

Headline	Aziz Desa masih laku		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	17	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	749 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,358
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,073



Aziz Desa masih laku

» **Mat Cermin** masih aktif sebagai pengacara

Kelibatnya bukanlah bintang popular tetapi dia cukup dikenali ramai. Ke mana saja berada, ada yang menyapanya. Beliau akan melayan dan membalas setiap sapaan dengan senyuman serta penuh kemesraan. Tidak sesekali dia cuba hendak mengelak, meninggikan suara, jauh sekali membanggakan diri.

Begitulah ketika penulis sehari suntuk menyertai aktiviti dilakukan Abdul Aziz Desa atau popular dengan nama Aziz Desa, 48.

Biarpun sudah agak lama khidmatnya sebagai pengacara tidak diperlukan mana-mana stesen TV, tetapi beliau sering mendapat undangan mengendalikan pelbagai acara seperti majlis perkahwinan sehingga program ilmu, seminar atau forum. Kepetahannya bertutur kata, gaya persembahan menarik dan menghiburkan memang cukup disenangi.

Mungkin ada yang berkata, Aziz pantas 'jumpa mikrofon' kerana akan bercakap lama, tetapi bagi kebanyakan orang, ada yang tidak kisah.

"Selama 20 tahun saya jadi personaliti TV selepas dipindahkan dari akhbar BH ke TV3 sekitar 1987, bermula jadi penolong penerbit dan hos rancangan *Seulas Pinang*

bersama Puan Sri Normala Samsudin. Kemudian, melonjak nama dalam rancangan *Malaysia Hari Ini* (MHI) bersama (Datuk) Hasbullah Awang, Christine Ling, (Datuk) Mahathir Lokman. Ini diikuti hos bersama Nizal Nohamad, arwah Karim Mohamad, Omar Abdullah, Md Nor Sulaiman dan Mazidul Sidek. Saya popular dengan segmen *Cermin Diri, Jejak Kasih*. Juga dikenali sebagai Mat Cermin.

"Popular dengan sebutan 'hai, hai, hai' dan 'cermin, cermin diri, anda lihat wajah, renung peribadi, mudah mudahan detik mendatang menjanjikan 1,001 kebahagiaan. Yang jauh kita dekatkan yang dekat kita mesrakan, yang mesra kita serasikan..." Itulah kata-kata yang jadi sebutan ramai, sering saya ungkap dalam segmen *Jejak Kasih*.

"Kali terakhir jadi hos bagi segmen Pilihan Raya Umum ke-13 dalam (program) *Nasi Lemak Kopi O* di TV9, April lalu. Bagaimanapun rancangan *Dahsyat 13* yang saya jadi hos masih diulang siaran hingga sekarang di saluran Astro Oasis," cerita Aziz mengimbas ringkas sejarah kerjanya dalam dunia kewartawanan dan juga sebagai pengacara program TV.

Pengalaman jadi wartawan di BH dan TV3 serta bekas Setiausaha Akhbar

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid banyak memberi dorongan dan mempengaruhi hidupnya untuk perjuangankan isu rakyat khususnya, Langkawi dalam aktiviti NGO. Adalah perkara biasa Aziz begitu mudah disapa dan berbual dengan penduduk Langkawi. Sambil makan, beliau tekun dan tidak pernah jemu mendengar keluh kesah peniaga kecil yang berniaga makanan hingga pakaian.

Tidak segan suara pandangan

Sebagai anak jati Langkawi, beliau cukup sayang dengan tanah kelahirannya. Justeru, beliau tidak segan silu menyuarakan apa saja perkara yang dirasakan tidak kena kepada pihak berkaitan.

"Pelancongan sudah jelas sumber ekonomi utama orang Langkawi. Kalau orang sini (Langkawi) tak jaga betul-betul pulau ini, nanti orang (pelancong) tak datang ke sini lagi. Kita sentiasa berdepan dengan pelbagai isu kehidupan di bandar dan luar bandar ketika jadi wartawan dan bekerja dengan MB Kedah. Saya juga pernah jadi DJ di radio Langkawi FM selama setahun yang banyak mendengar aduan rintihan dan permasalahan rakyat.

"Populariti yang tercerna

memudahkan saya membantu menyelesaikan perkara berbangkit. Ini kerana saya dikenali ramai dan secara tidak langsung memudahkan saya berhubung dengan pihak atasan atau yang berkuasa menangani setiap masalah berbangkit," katanya ketika ditemui di Langkawi, baru-baru ini.

Aziz kini sudah hampir empat tahun bersama Buraq Oil, pengendali stesen minyak luar bandar. Antara tugas saya menjayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat, selain membantu mewujudkan hubungan baik dengan media.

Mudah mesra

"Jawatan baru saya di Buraq Oil sebagai Pengarah Media dan Komunikasi Korporat bermula 1 Oktober lalu. Saya masih terima undangan mungkin kerana kredibiliti dan kemampuan kendali majlis. Saya tak sangka masih diminati dan ramai peminat tersendiri. Saya juga mudah mesra dan tidak pernah letak harga," katanya.

Ditanya berapa bayaran dikenakan untuk mengacara majlis, Aziz sambil tersenyum menjawab: "Saya terbuka kepada sebarang perbincangan caj perkhidmatan jadi juruacara, moderator atau penceramah

Headline	Aziz Desa masih laku		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	17	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	749 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,358
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,073

jemputan. Kalau tempat itu jauh, penganjur kenalah sediakan tempat penginapan dan tiket kapal terbang pergi dan balik. Saya tidak pandai mele-takkan harga. Kadang-kadang saya macam menerima lebih daripada sepatutnya, tapi ada kalanya rasa macam tak setimpal. Pernah juga tak dapat apa-apa, tapi jaranglah.”

Biar pun petah bercakap dan cekap mengperkerusi-kan sesuatu majlis, tetapi Aziz

akui dia tetap mempunyai kelemahan.

“Kalau suruh cakap, berapa jam pun, saya boleh cakap. Tapi jangan sesekali minta saya menyanyi. Itu memang saya tak boleh. Serius, memang tak boleh,” jelasnya.

Di sebalik kesibukan mencari rezeki dan aktiviti kemasyarakatannya yang menyebabkan tidak lekang di rumah, Aziz tetap bijak men-

cari masa untuk mengha-biskan masa bersama isteri dan enam anaknya.

Anak sulungnya, Mas Zaharif, 20, penuntut di Aka-demi Seni Budaya & Warisan (ASWARA), manakala Mas Zahiah, 19 adalah anak perempuan tunggal yang sedang belajar di Universi-ti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Tiga lagi ialah Mas Zhafir, 17 belajar di Maktab Rendah Sains Mara

di Beseri, Perlis; Mas Zhamir, 14, Mas Zhaiem, 13 dan Mas Zhiddin, 11 tahun.

“Perkataan Mas pada pangkal nama anak itu mewarisi nama keluarga isteri, Raden Nor Azlina Jumari yang berketurunan Raden. Nama anak bongsu saya, Mas Zhiddin tu pula mengambil nama pemain bola terkenal Perancis, Zine-din Zidane,” katanya sambil tersenyum.

“
POPULARITI
YANG TERCERNA
MEMUDAHKAN
SAYA MEMBAN-
TU MENYELESAI-
KAN PERKARA
BERBANGKIT”
Aziz Desa,



Aziz dengan gaya bersahaja sebagai pengacara program anjuran Buraq Oil di Alor Setar. Bersamanya, Pengurus Besar Buraq Oil, Khairul Anuar Abd Latif.

Headline	Aziz Desa masih laku		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	17	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	749 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,358
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,073



Aziz diapit Mas Zhaiem (kiri) dan Mas Zhiddin.